

## Estet Padi: Peranan dan Peluang dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)

Hanum Hassan, Razli Ahmad dan Azuddin Bahari  
Universiti Malaysia Perlis

### ABSTRAK

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) merangkumi empat buah negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia yang terletak di Pantai Barat iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara. NCER merupakan komitmen pihak kerajaan untuk membantu wilayah di negeri ini bagi memaksimumkan potensi ekonomi dan merapatkan jurang pembangunan dan pendapatan dengan kawasan-kawasan lain di Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran masyarakat terhadap peranan dan kewujudan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Terdapat dua objektif kajian iaitu mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat terhadap NCER dari segi kewujudan dan peranan; dan mengenalpasti kesedaran masyarakat mengenai peluang-peluang yang ditawarkan melalui NCER. Dalam kajian ini, Koridor Tengah dipilih sebagai lokasi kajian. Dengan menggunakan kaedah tinjauan, seramai 383 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat telah di pilih sebagai responden melalui kaedah persampelan rawak mudah. Data yang dikumpul akan diproses menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) dengan menggunakan peratusan dan kekerapan.

**Kata kunci:** NCER, kesedaran, peranan, peluang.

### 1.0 PENGENALAN

Ekonomi memainkan peranan penting dalam sesebuah negara kerana ekonomi adalah nadi dalam sesebuah sistem masyarakat. Tanpa kekuatan ekonomi sudah tentu terdapat ahli dalam masyarakat akan terpinggir daripada agihan ekonomi yang bersifat terhad itu. Oleh itu, punca kekuatan ekonomi dalam masyarakat perlu digerakkan secara maksima agar kemakmuran ekonomi dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat dalam negara. Justeru, menurut Davis dan Moore (1945), peranan kerajaan adalah sangat penting dalam masyarakat kerana kerajaan berperanan untuk menyusun masyarakat dari segi undang-undang dan kuasa seterusnya memantapkan ekonomi sesebuah negara. Justeru apabila Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) diperkenalkan, ia merupakan

komitmen pihak kerajaan untuk membantu wilayah yang terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara bagi memaksimumkan potensi ekonomi dan merapatkan jurang pembangunan dan pendapatan dengan kawasan-kawasan lain di Malaysia.

NCER dirasmikan pada 30 Julai 2007 oleh Perdana Menteri Malaysia Kelima, Abdullah Ahmad Badawi. Matlamat utama program pembangunan NCER adalah untuk membantu wilayah-wilayah ini mencapai wawasannya, dengan mengenal pasti peluang yang berpotensi dari segi komersil dan melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk: a) Mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan pendapatan melalui program-program yang menjana keuntungan; b) Mencapai pembangunan yang seimbang dalam semua sektor, daripada pertanian ke perindustrian; c) Meningkatkan modal insan untuk memenuhi keperluan pasaran dunia yang berdaya saing; dan d) Meningkatkan pelaburan sektor swasta dan Inisiatif Pembiayaan Swasta. Merujuk kepada Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2007-2025, terdapat 5 koridor utara yang terkandung di dalam Rancangan Pembangunan Koridor Utara. Antaranya ialah Koridor Pulau, Koridor Pesisiran Pantai, Koridor Tengah, Koridor Pedalaman dan Koridor Butterworth-Kulim-Baling-Pengkalan Hulu-Grik (NCER, 2007). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran masyarakat terhadap peranan dan kewujudan Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

## **2.0 TEORI STRUKTUR-FUNGSIONAL**

Dalam kajian ini teori struktur-fungsional digunakan sebagai kerangka utama dalam membincangkan kesedaran masyarakat terhadap kewujudan NCER. Penggunaan teori ini membolehkan pengkaji meneroka perkara yang berlaku dalam masyarakat ekoran atau akibat daripada NCER diperkenalkan. Menurut Talcot Parson (1977), teori struktur-fungsional menyatakan bahawa masyarakat adalah satu sistem sosial. Dalam sistem sosial tersebut, masyarakat terdiri daripada pelbagai bahagian di mana setiap bahagian mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat. Setiap sumbangan harus memberi manfaat kepada golongan masyarakat dan sudah pasti sumbangan tersebut merupakan satu keperluan dalam masyarakat itu sendiri. Bagi Parson (1977), terdapat empat masalah asas yang harus diselesaikan dalam setiap sistem yang berfungsi, iaitu:

Pertama, penyesuaian dengan alam sekitar. Keperluan ahli-ahli masyarakat dari segi fizikal mestilah dipenuhi. Bagi tujuan tersebut masyarakat hendaklah membuat peraturan-peraturan tertentu. Dalam konteks ini, NCER telah

merancang dan mewujudkan pelbagai kemudahan prasarana di kawasan sawah padi seperti jalan dengan tujuan untuk memudahkan kawalan serta meningkatkan hasil pengeluaran. Hal ini penting kerana sistem perhubungan ladang (estet padi) yang tidak lengkap akan menyukarkan segala hasil untuk dibawa keluar yang akan memberi kesan kepada pendapatan masyarakat.

Kedua, setiap ahli masyarakat mesti mempunyai persetujuan bersama dalam kalangan ahli-ahli tentang keutamaan mereka (Soerjono, 1984). Tanpa persetujuan bersama dalam sesuatu perkara, kestabilan masyarakat akan terganggu. Dalam NCER misalnya estet padi telah diwujudkan. Menerusi Estet Padi para petani yang mempunyai keluasan tanah yang kecil perlu bergabung untuk membentuk satu estet. penggabungan ini memerlukan komitmen dan kefahaman yang jelas tentang objektif Estet Padi diperkenalkan dalam kalangan petani. Peraturan perlu diwujudkan untuk mengikat ahli dengan estet padi ini agar objektifnya dapat dicapai. Perlanggaran peraturan yang telah dibuat akan menjejaskan keseluruhan objektif penubuhan NCER.

Ketiga, ahli-ahli dalam masyarakat hendaklah memainkan peranan yang sudah ditetapkan dan mestilah mematuhi nilai-nilai masyarakat. Mereka mestilah berupaya menguruskan ketegangan dalam masyarakat dan keupayaan mereka berbuat demikian dilihat sebagai *'fundamental structural'* dalam sistem sosial. Keadaan ini lazim wujud dalam mana-mana pertubuhan atau organisasi. Kepimpinan di peringkat lokal dalam sistem NCER perlu memainkan peranan yang penting serta efektif. Ketua-ketua kampung, Jawatankuasa Kecil Kampung (JKKK) dan Imam perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kejayaan NCER. Kegagalan menjalankan peraturan dengan sempurna menyebabkan hasrat bersama petani untuk mengubah nasib ke arah yang lebih baik tidak akan tercapai.

Keempat, integrasi dalam mempertahankan dan mengekalkan apa yang telah sedia ada dalam mana-mana masyarakat hendaklah diselaraskan dan dikawal oleh unsur-unsur dalaman dari bahagian-bahagian tertentu. Bahagian tersebut seharusnya mengawal individu dan institusi supaya sistem sosial terkawal (Fatimah, 1992). NCER misalnya telah mengambil kira sistem sosial yang telah sedia wujud dalam masyarakat Melayu khususnya yang mendasari masyarakat di kawasan MADA sebagai kumpulan sasaran NCER dalam konteks ini. Interaksi dan integrasi antara petani dalam kawasan MADA dapat membina perasaan kekitaan yang kukuh sesama mereka dalam usaha untuk memudahkan pelaksanaan NCER dalam kalangan masyarakat setempat.

Parson (1977), turut menyatakan bahawa terdapat empat sub-sistem dalam komuniti iaitu penyatuan norma, penyatuan nilai-nilai, susunan tatanegara dan ekonomi. Penyatuan norma dan nilai akan berlaku dalam masyarakat apabila setiap ahli masyarakat bersedia untuk berkongsi sesuatu yang baik daripada norma-norma bersama. Susunan tatanegara pula akan menjadi lebih sempurna sekiranya ahli masyarakat dapat memberi idea-idea berkesan untuk kebaikan bersama. Idea-idea yang berkesan dapat dilahirkan sekiranya sistem sosial setempat dapat berfungsi dengan jayanya tanpa ada sebahagian ahli masyarakat yang tercicir.

Penggunaan teori struktur-fungsional ini membolehkan pengkaji meneroka banyak aspek yang berlaku dalam masyarakat petani dalam kawasan MADA ekoran daripada pelaksanaan NCER. Masyarakat petani bukanlah masyarakat yang statik sebaliknya masyarakat yang berkembang secara dinamik sesuai dengan perubahan-perubahan yang mereka alami. Perubahan yang berlaku ini adalah hasil daripada pelaksanaan beberapa dasar dan program yang sengaja dibentuk untuk mereka. Kemajuan yang bakal dinikmati adalah hasil daripada keberkesanan struktur program yang telah dibentuk dan masyarakat petani dapat memaksimumkan fungsi sosialnya.

### **3.0 PERNYATAAN MASALAH**

Pengukuran bagi pembangunan sesebuah negara ialah sejauh manakah peserta-peserta yang terlibat telah membangun khususnya dari segi pemikiran dan sikap. Pembangunan tersebut akan menjamin kestabilan dan kesinambungan usaha-usaha pembangunan seterusnya. Boyle (1981), mengkategorikan tiga jenis program iaitu program pembangunan, pendidikan dan penerangan. Program-program yang bercorak pembangunan merupakan asas kepada perkhidmatan sesebuah organisasi yang dibentuk berasaskan kepada masalah dan keperluan masyarakat supaya setara dan dapat berubah mengikut tuntutan dan keperluan masyarakat. Boyle telah menggariskan beberapa ciri penting yang mendasari program pembangunan:

- i. Memenuhi kehendak dan keperluan asas sesuatu kawasan.
- ii. Dibentuk berdasarkan penganalisan situasi secara menyeluruh.
- iii. Program pembangunan berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan pekerjaan utama dan bidang lain yang berpotensi.
- iv. Kejayaan program pembangunan bergantung pada penglibatan beberapa pihak yang dikenal pasti terlebih dahulu.
- v. Penggunaan pengetahuan dan kemahiran diperlukan untuk sesuatu program pembangunan.

Berdasarkan ciri-ciri program pembangunan yang dinyatakan di atas didapati ciri-ciri tersebut mempunyai asas yang kuat untuk dikaitkan dengan NCER kerana dalam setiap programnya NCER mengenal pasti kehendak dan keperluan golongan yang telah disasarkan.

Persoalan yang menarik perhatian pengkaji ialah apabila seseorang petani itu menyertai Estet Padi, petani tersebut akan terdedah kepada perubahan dari segi sikap, kerja, tugas, alam sekeliling dan struktur masyarakat yang mana ianya mempunyai kaitan dengan pengurusan dan pentadbiran. Para petani yang diperkenalkan dengan perubahan-perubahan baru akan menghadapi dilema dalam menerima dan melaksanakan perogram-program yang dikemukakan. Hal ini kerana perubahan yang dicadangkan adalah berbeza dengan apa yang mereka laksanakan sebelum ini. Jika keadaan ini berlaku adakah para petani akan meneruskan usaha penggabungan sawah kecil untuk menjadi estet padi. Dan jika petani mengambil keputusan untuk tidak meneruskan usaha ini, apakah tindakan seterusnya yang diambil oleh pihak pentadbiran NCER dalam mengatasi masalah ini.

Kegagalan pelaksanaan NCER turut dibincangkan dalam parlimen dan kerajaan disaran mengkaji dan menyemak semula projek Wilayah Ekonomi Koridor Utara kerana kebanyakan projeknya bertindih dengan agensi-agensi sedia ada sehingga menyebabkan berlaku kegagalan dan pembaziran wang. Malah, kegagalan NCER juga dikaitkan dengan kebanyakan perancangan NCER tidak dibincangkan di peringkat daerah sehingga menyebabkan perancangan yang dibuatnya lain dan akhirnya bertembung sesama sendiri (Bernama, 2010). Menurut Shahidan Kassim, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai NCER, walaupun ada antara kegiatan NCER yang berjaya namun bagi sektor pertanian, ia masih kelihatan lesu kerana kegagalan pelaksanaannya mengikut landasan sebenar (Utusan Malaysia, 2009).

Berasaskan pandangan penasihat NCER ini maka satu analisis perlu dilakukan bagi memahami wujud situasi sedemikian. Pada dasarnya Pelan NCER dilihat mampu untuk memberikan impak yang jelas kepada masyarakat akhirnya telah dipertikaikan. Justeru setiap sudut model dan pelaksanaan NCER perlu diteliti dan dilakukan penambahbaikan. Adakah kegagalan yang dimaksudkan itu berpunca daripada kaedah pelaksanaan atau kegagalan tersebut berpunca daripada ketiadaan komitmen yang jelas dalam kalangan peserta program NCER. Oleh itu wajarlah kajian dilakukan untuk memahami keadaan ini.

#### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat dua objektif kajian iaitu:

- i. Mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat terhadap NCER dari segi kewujudan dan peranan.
- ii. Mengenalpasti kesedaran masyarakat mengenai peluang-peluang yang ditawarkan melalui NCER.

#### **5.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bagi mengkaji tahap kesedaran masyarakat mengenai kewujudan, peranan dan peluang yang ditawarkan melalui NCER. Unit analisis dalam kajian ini ialah petani-petani dalam kawasan MADA yang terlibat dengan program Estet Padi. Dalam kajian ini, Koridor Tengah dipilih sebagai lokasi kajian. Sampel kajian seramai 383 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat telah di pilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Namun soal selidik yang dikembalikan kepada pengkaji hanyalah 212 sahaja. Oleh jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah 212 orang. Kajian ini menggunakan soal selidik piawai yang diubah suai dan diadaptasi oleh pengkaji daripada kajian lepas yang selaras dengan kehendak dan tujuan kajian.

Sebelum kajian yang sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen soalan yang dibentuk. Selain itu, kajian rintis dilakukan untuk memastikan bahawa soalan yang dikemukakan mudah difahami, konsep yang digunakan adalah jelas, tidak mengelirukan dan menjurus kepada menjawab objektif kajian. Bagi menganalisis data kajian, pengkaji menggunakan analisis secara deskriptif dengan menggunakan SPSS versi 16.

##### **5.1 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini boleh menyumbang maklumat kepada pihak kerajaan bagi membantu pihak-pihak yang berkenaan dalam membuat perancangan dan strategi yang tepat dan lebih berkesan untuk melaksana sesuatu program terutamanya yang melibatkan pembangunan sosial. Jika wujud masalah dalam pelaksanaan NCER, faktor menolak perlu dikenal pasti dan dianalisis bagi memastikan setiap program baru yang dibangunkan oleh kerajaan dalam NCER benar-benar difahami oleh khalayak yang disasarkan. Malahan, kajian ini juga dianggap sebagai sumber maklumat yang berguna dalam mempelajari bagaimana

untuk membangunkan proses perubahan yang lebih berjaya (Piderit, 2000; Beer & Eisenstat, 1996; Goldstein, 1988; Lawrence, 1954; Waddell & Sohal, 1998).

## 5.2 Limitasi Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini dilaksanakan dalam kalangan petani di negeri Kedah dan yang terlibat dengan program Estet Padi sahaja. Justeru, hasil dapatan kajian ini hanya boleh dijadikan landasan dan tidak boleh digeneralisasikan untuk keseluruhan petani lain di Malaysia secara keseluruhannya.

## 6.0 DAPATAN KAJIAN

### 6.1 Hasil Analisis Profil Responden Kajian

Kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada petani-petani dalam kawasan MADA di negeri Kedah. Berdasarkan Jadual 1, hasil kajian menunjukkan responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada petani lelaki (69.8%) dan petani wanita (29.2%). Dari segi bangsa pula, kebanyakan responden terdiri daripada bangsa Melayu (92.5%) berbanding bangsa Cina (2.0%) dan lain-lain bangsa (6.6%).

**Jadual 1: Analisis Profil Responden Kajian – Jantina, Bangsa, Pendapatan Keluarga dan Kategori Sekolah**

	Profil Responden	n	Peratus
Jantina	Lelaki	148	69.8
	Perempuan	62	29.2
	Jumlah	212	100
Bangsa	Melayu	296	92.5
	Cina	2	0.9
	India	0	0
	Lain-lain	14	6.6
	Jumlah	212	100
Anggaran	RM 500.00 dan ke bawah	57	26.9
Pendapatan	RM 501.00 - RM 1000.00	97	45.8
	RM 1001.00 - RM 1500.00	39	18.4

	RM 1501.00 – RM 2000.00	18	8.5
	RM 2001.00 dan ke atas	1	0.5
	Jumlah	212	100
Tahap Pendidikan	SRP/PMR	95	44.8
	SPM	94	44.3
	STPM	16	7.5
	Diploma	7	3.3
	Jumlah	212	100

Kebanyakan anggaran pendapatan responden dalam kajian ini berada di sekitar RM 501 - RM 1000 (45.8%). Diikuti oleh anggaran pendapatan sebanyak RM 500.00 dan ke bawah (26.9%) dan RM 1001 – RM 1500 (18.4%). Hanya 0.5% sahaja menunjukkan pendapatan keluarga responden berada di sekitar RM 2001.00 dan ke atas. Dari segi tahap pendidikan pula, kebanyakan responden mendapat pendidikan pada tahap SRP/PMR (44.8%). Diikuti oleh SPM (44.3%). Hanya 3.3% sahaja menunjukkan responden mendapat pendidikan pada tahap Diploma.

## 6.2 Mengenalpasti Tahap Kesedaran Masyarakat Terhadap NCER dari Segi Kewujudan dan Peranan

Berdasarkan Jadual 2, beberapa dapatan menarik diperolehi berkaitan dengan maklumat yang disampaikan oleh NCER kepada petani-petani yang terlibat. Merujuk kepada soalan "NCER sentiasa menjadi topik perbincangan saya dengan rakan-rakan", sebanyak 78.3% menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini mungkin menunjukkan bahawa perkara yang berkaitan dengan NCER kurang penting, lantas ianya tidak menjadi bahan perbincangan popular dalam kalangan mereka.



**Jadual 2: Penerangan Mengenai NCER**

No. soalan	Soalan	Setuju %	Tidak setuju %
1	Saya tahu tentang Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	95.8	4.2
2	NCER sentiasa menjadi topik perbincangan saya dengan rakan.	20.8	78.3
3	Saya pernah mendengar taklimat mengenai NCER	22.2	77.8
4	NCER diperkenalkan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat sekitar.	73.6	26.4
5	Maklumat mengenai NCER banyak dipaparkan di TV, radio, surat khabar dan papan tanda	70.8	29.2
6	Saya sering mendapat maklumat tentang inovasi dalam pertanian melalui NCER	47.2	52.8
7	Semua maklumat berkaitan dengan NCER diperoleh daripada pihak NCER sendiri	20.3	79.7
8	Kepimpinan Kampung seperti JKKK dan Imam tidak memainkan peranan penting membawa mesej NCER	95.7	4.2

Dapatan juga menunjukkan bahawa 95.7% bersetuju bahawa kepimpinan kampung seperti Imam dan JKKK tidak memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat mengenai NCER. Dapatan ini menunjukkan keadaan ini boleh disifatkan sebagai tidak selari dengan perancangan NCER yang berhasrat untuk menjadikan kepimpinan kampung sebagai agen penting dalam 'membawa roh NCER' kepada ahli masyarakat. Jika peranan ini tidak dapat dilaksanakan dalam satu komuniti kecil yang terlibat maka dikhuatiri hasrat besar disebalik kewujudan NCER tidak akan tercapai. Dalam proses pembangunan komuniti peranan setiap aras kepimpinan terutama dalam komuniti sangat penting kerana merekalah individu yang paling hampir dengan ahli komuniti terlibat.

**Jadual 3: Pendidikan Mengenai NCER**

No soalan	Soalan	Setuju %	Tidak setuju %
9	Saya memahami matlamat NCER diperkenalkan	22.6	77.4
10	Saya tidak memahami apa-apa yang berkaitan dengan NCER	64.6	35.4
11	Saya faham matlamat NCER untuk menjadikan kawasan MADA sebagai zon pengeluaran makanan moden	92.0	8.0
12	Saya bersetuju dengan konsep estet padi dan “Projek 10 Tan” yang diperkenalkan oleh NCER	96.7	3.3
13	Saya telah mencuba kaedah dan peralatan baru yang telah diperkenalkan oleh NCER	46.7	53.3
14	Pihak NCER kurang menerangkan kaedah pengurusan sawah padi yang berkesan	86.8	13.2
15	Pihak NCER perlu lebih agresif dalam menyampaikan maklumat baru yang berkaitan	92.9	7.1
16	Kekurangan maklumat menjadi halangan kepada kemajuan petani	92.5	7.5

Jadual 3 menunjukkan bahawa sebanyak 92.0% responden memahami hasrat NCER untuk menjadikan kawasan MADA sebagai zon pengeluaran makanan moden negara. Kesedaran dalam kalangan petani perlu diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk terus menggerakkan motivasi kepada petani bagi mencapai hasrat tersebut. Sehubungan itu, usaha-usaha yang lebih berkesan haruslah dilaksanakan. Namun begitu, 86.8% responden memberi maklumbalas bahawa pihak NCER sendiri kurang memberikan atau menerangkan kaedah-kaedah pengurusan sawah padi yang berkesan kepada mereka. Tanpa pengetahuan yang mencukupi dalam aspek pengurusan ladang secara moden, dikhuatiri hasrat dan kepercayaan petani ini akan luntur. Hal ini sudah tentu akan membantutkan hasrat murni NCER tersebut. Atas dasar itu maka 92.9% responden bersetuju dengan pernyataan bahawa pihak NCER perlu lebih agresif menyampaikan maklumat baru yang berkaitan kepada petani. Kekurangan maklumat mengenai NCER boleh disifatkan sebagai halangan besar kepada petani untuk memajukan diri sebagaimana yang di tunjukkan dalam soalan 16.

### 6.3 Mengenalpasti Kesedaran Masyarakat Mengenai Peluang-Peluang yang Ditawarkan Melalui NCER.

Selepas lima tahun NCER dilancarkan, masih ramai kumpulan yang terlibat agak pesimis dengan NCER. Ini dapat dibuktikan dengan 72.6% responden bersetuju bahawa selepas NCER dilancarkan tiada apa-apa perubahan berlaku di tempat mereka (Jadual 4). Malah, 93.9% responden menyatakan bahawa mereka tidak yakin program NCER mampu mengubah kehidupan petani. Mungkin penilaian ini agak objektif namun pernyataan ini dipersetujui oleh masyarakat petani yang terlibat, maka sesuatu perlu dilakukan bagi membuktikan bahawa program NCER mampu memberi impak yang besar kepada kehidupan mereka.

Satu isu yang sering menjadi perbualan dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan pelaksanaan NCER ialah berhubung dengan penilaian mereka bahawa NCER lebih menumpukan pembangunan prasarana seperti pembinaan jalan (89.6%). Penelitian perlu dilakukan dalam hal ini sama ada ianya bersifat persepsi atau satu kenyataan. Jika pembinaan jalan ini adalah satu kaedah pembangunan dalam NCER maka ahli masyarakat perlu diberi maklumat yang jelas berkaitan dengannya untuk menghindarkan salah faham yang bersifat sindiran itu.

**Jadual 4: Peluang dan Pembangunan Mengenai NCER**

No soalan	Soalan	Setuju %	Tidak setuju %
17	Selepas NCER dilancarkan, tiada apa-apa perubahan yang berlaku di tempat saya.	72.6	27.4
18	Saya menjadi peserta aktif dalam estet padi.	92.0	8.0
19	Saya telah dibekalkan dengan benih padi yang bermutu tinggi.	49.5	50.5
20	NCER lebih menumpukan pembangunan prasarana seperti pembinaan jalan-jalan	89.6	10.4
21	Saya telah berjaya mencapai matlamat 'Projek 10 Tan' seperti yang disarankan oleh NCER	55.2	44.8
22	Kos pengeluaran untuk mengerjakan sawah saya semakin meningkat dari satu tahun ke satu tahun	82.5	17.5
23	Saya yakin dengan masa depan NCER	80.6	19.3
24	Saya pasti keuntungan purata hasil sawah akan meningkat hasil dari NCER	83.1	17.0
25	Saya bersedia untuk melakukan perubahan seperti disarankan oleh NCER	93.9	6.1

26	Saya tidak yakin NCER mampu mengubah kehidupan petani	93.9	6.1
27	NCER sepatutnya lebih berfokus kepada petani muda	89.1	10.8
28	Saya masih tidak memahami peranan sebenar NCER	94.8	5.2
29	Wujud kerenah pentadbiran dalam pelaksanaan NCER	91.5	8.5

Namun begitu, NCER masih lagi mempunyai harapan dan peluang untuk memajukan petani serta telah menunjukkan kesan walau dalam skala yang kecil. Misalnya responden menyatakan mereka telah menikmati hasil yang lebih baik melalui "Projek 10 Tan" seperti yang disarankan oleh NCER. Dan ini merupakan satu pencapaian bagi NCER. Malah, 93.9% responden menyatakan mereka bersedia untuk melakukan perubahan dalam aktiviti pertanian seperti yang disarankan oleh pihak NCER dan 83.1% responden yakin keuntungan hasil purata sawah mereka akan meningkat hasil daripada program NCER.

Di samping itu, bagi memastikan kejayaan dalam pelaksanaan NCER berterusan, kumpulan pelapis petani yang berdaya saing perlu diwujudkan. Keadaan ini dapat dilihat apabila 89.1% responden menyatakan bahawa NCER perlu lebih memberi fokus kepada petani-petani muda dalam menjayakan misi dan visi mereka. Petani-petani muda adalah golongan muda yang dinamik dan lebih berdaya saing. Malah, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa mereka yang berpendidikan SPM merupakan sebahagian besar responden yang terlibat dalam kajian ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka adalah kumpulan petani yang boleh dibimbing bagi mencapai objektif pelaksanaan NCER.

Selain itu, perkara yang perlu diberi perhatian juga bagi menjayakan program NCER ialah dengan mengurangkan kerenah birokrasi. Seramai 91.5% responden menyatakan wujud kerenah birokrasi dalam pelaksanaan NCER. Jika keadaan ini berterusan ia akan mewujudkan persepsi negatif dalam kalangan petani yang terlibat kepada pihak NCER dan pihak-pihak lain yang berkepentingan dalam NCER.

## 7.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan NCER tidak seharusnya hanya menumpukan kepada pembangunan hasil komoditi sahaja sebaliknya memberi lebih penekanan terhadap pembangunan komuniti. Masalah-masalah yang telah dikenal pasti perlu ditangani dengan segera bagi mengelakkan pelaksanaan NCER terganggu akibat dengan masalah penerimaan amalan baru dalam kalangan petani. Malah, tindakan-tindakan yang sistematik, terancang dan bersungguh-sungguh perlulah dilaksanakan bagi membangunkan masyarakat yang terlibat dalam kawasan NCER. Dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaan sesuatu program baru, ia dapat membantu dan dapat mengubahsuai program yang gagal dilaksanakan agar diadaptasi oleh masyarakat.

Lantaran itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam merangka program-program pembangunan di masa akan datang tidak boleh mengambil mudah tanpa mengenal pasti terlebih dahulu apakah keperluan penerima dan tidak mengabaikan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa merancang program yang bakal dilaksanakan bersesuaian dan berupaya mengubah masyarakat. Seharusnya pihak-pihak yang terlibat perlu menjawab beberapa persoalan sebelum melaksanakan pembangunan seperti, adakah program ini sesuai untuk penerima, adakah program ini berfaedah untuk penerima, bolehkah penerima menerima idea yang disampaikan dan bolehkah penerima mengamalkan program-program baru ini.

## RUJUKAN

- Bear, M. & Eisenstat, R. A. (1996). Developing an organization capable of implementing strategy and learning. *Human Relations*, 49(5), 597-617.
- Bernamea. (2011). Anggota Parlimen Gesa NCER Dikaji Semula.
- Boyle, P. (1981). *Planning Better Programs*. McGraw-Hill, New York.
- Davis, K. & W. E. Moore. (1945). Some Principles of Stratification. *American Sociological Review*, 10, 242-49.
- Fatimah Daud. (1992). *Pengenalan Teori-teori Sosiologi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Goldstein, J. (1988). A Far-from-Equilibrium Systems Approach to Resistance to Change. *Organizational Dynamics*, 15(1), 5-20.
- Lawrence, P. R. (1954). How to deal with resistance to change. *Harvard Business Review*, 32(3), 49-57.

NCER (2007). Northern Corridor Economic Region. Dimuat turun dari laman web [www.ncer.com.my/](http://www.ncer.com.my/).

Parson, T. (1977). *Social Systems and the Evolution of Action Theory*. New York: The Free Press.

Piderit, S. K. (2000). Rethinking resistance and recognizing ambivalence: multidimensional view of attitudes toward an organizational change. *Academy of Management Review*, 25(4), 783-794.

Soerjono Soekanto. (1984). *Beberapa Teori Sosiologi tentang Struktur Masyarakat*. Jakarta: C. V. Rajawali.

Utusan Malaysia. (2009). *Shahidan dakwa sektor pertanian NCER terpesong dari landasan*.

Waddell, D., & Sohal, A. S. (1998). Resistance: a constructive tool for change management. *Management Decision*, 36(8), 543-548.